

STANDARDS MALAYSIA

MEMO PERHUBUNGAN (BAHAGIAN STANDARDISASI)

Tarikh : 24 Oktober 2020

KEPADA	Ahli Jawatankuasa Kebangsaan (NSC)/ Jawatankuasa Teknikal (TC)/ Kumpulan Kerja (WG) di bawah Infrastruktur Pembangunan Standard Kebangsaan
DARIPADA	PENGARAH KANAN (STANDARDISASI)
RUJUKAN FAIL	JSM/SD-100/08/82 Jld. 2 ()
PERKARA	MAKLUMAN TRANSISI KEPADA SISTEM ISOLUTION BAGI PROSES PEMBANGUNAN STANDARD

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa Jabatan Standard Malaysia akan menggunakan sistem ISOolutions dalam menyelaraskan aktiviti standardisasi kebangsaan. Dengan mengaplikasikan sistem ini, aktiviti standardisasi yang merangkumi pangkalan data jawatankuasa pembangunan standard, maklumat pakar-pakar, pemantauan projek dan penyelarasan undian dapat diuruskan dengan lebih teratur. Pakar-pakar yang terlibat dalam jawatankuasa pembangunan standard kebangsaan juga dapat mengakses dokumen-dokumen yang berkaitan dan membuat undian (sekiranya berkenaan) menerusi sistem ini.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, sistem ISOolutions akan mengadaptasi maklumat-maklumat daripada sistem ISO Portal antarabangsa sedia ada. Proses ini akan dijalankan secara berperingkat. Sepanjang proses ini, YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan akan menerima pelbagai notifikasi secara e-mel dari ISO Central mengenai perubahan status dalam jawatankuasa sedia ada dan sebagainya. Notifikasi-notifikasi ini adalah hanya pemakluman umum dan YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah tidak perlu risau mengenainya.

4. Pengumuman berkenaan pelancaran rasmi sistem ISOLutions akan dihantar kepada YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam masa terdekat. Di samping itu, edaran sebagai pengenalan mengenai sistem ISOLutions juga akan dijalankan dari semasa ke semasa.

Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"DITERIMA RAKYAT, DIIKTIRAF DUNIA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HUSSALMIZZAR HUSSAIN)